国家级教学成果二等奖系列教材

亚非语言文学国家级特色专业建设点系列教材

Bacaan-Bacaan Pilihan Karya Sastera Moden Malaysia

马来西亚现当代文学作品选读

龚晓辉　刘　勇　文一杰◎编著



www.tongbook.com

策划编辑：刘正武
责任编辑：刘正武　卢伟博
责任技编：刘上锦
封面设计：吴伟边

Bacaan-Bacaan Pilihan Karya Sastera Moden Malaysia

马来西亚现当代文学作品选读

内容简介
NEW

本书以马来西亚现当代文学的发展脉络、各种文学思潮和文学现象的演进为线索，选入马来西亚现当代文学史上富有代表性的28位作家的作品，反映出马来西亚现当代文学不同时期的艺术风格和语言特点，能够使读者更加全面、客观地了解马来西亚现当代文学的概貌和成就，并开阔文学视野，提高文学素养和鉴赏能力，深化对马来西亚历史、社会和风土人情的认识。

配套课程资源
非通在线
www.ft-ol.com
国情文化资讯
非通用语驿站
微信公众号
咨询电话：020-84460421

ISBN 978-7-5192-5851-1
9 787519 258511 >
定价：58.00元

国家级教学成果二等奖系列教材

亚非语言文学国家级特色专业建设点系列教材

Bacaan-Bacaan Pilihan Karya Sastera Moden Malaysia

马来西亚现当代文学作品选读

龚晓辉　刘　勇　文一杰◎编著



世界图书出版公司

广州·上海·西安·北京

图书在版编目（CIP）数据

马来西亚现当代文学作品选读：马来西亚文/龚晓辉，刘勇，文一杰编著. —广州：世界图书出版广东有限公司，2019.2

ISBN 978-7-5192-5851-1

Ⅰ.①马… Ⅱ.①龚… ②刘… ③文… Ⅲ.①文学—作品综合集—马来西亚—现代—马来语 Ⅳ.①I338.15

中国版本图书馆CIP数据核字（2019）第016780号

书　　名	马来西亚现当代文学作品选读 MALAIXIYA XIANDANGDAI WENXUE ZUOPIN XUANDU
编 著 者	龚晓辉　刘　勇　文一杰
责任编辑	刘正武　卢伟博
装帧设计	吴伟边
责任技编	刘上锦
出版发行	世界图书出版广东有限公司
地　　址	广州市新港西路大江冲25号
邮　　编	510300
电　　话	020-84451969　84453623　84184026　84459579
网　　址	http://www.gdst.com.cn
邮　　箱	wpc_gdst@163.com
经　　销	各地新华书店
印　　刷	广州市怡升印刷有限公司
开　　本	787mm × 1092mm　1/16
印　　张	26.875
字　　数	500千
版　　次	2019年3月第1版　2019年3月第1次印刷
国际书号	ISBN 978-7-5192-5851-1
定　　价	58.00元

版权所有　侵权必究

（如有印装错误，请与出版社联系）

咨询、投稿：020-84460251　gzlzw@126.com

编者的话

《马来西亚现当代文学作品选读》为解放军外国语学院亚非语系主任、博士生导师钟智翔教授主持的国家级教学成果二等奖系列教材之一，也是国家外语非通用语种本科人才培养基地暨亚非语言文学国家级特色专业建设点建设教材。

《马来西亚现当代文学作品选读》是为了适应新时代马来语教学的需求而编写的，目的在于培养学生阅读和欣赏马来语文学作品的兴趣，增加学生对马来语文学作品基本语言知识和文化背景知识的了解，从而提高学生对马来文学及相关文化的理解能力。

《马来西亚现当代文学作品选读》遴选了马来西亚现当代具有代表性的28位作家的文学作品，编为28课。入选作品以小说为主，同时也收录了诗歌、戏剧等文学体裁。全书以作品的发表年代为序，适当加大了20世纪80年代和90年代作品的比例，以期使读者更加全面、客观地了解当代马来文学的发展概貌。

《马来西亚现当代文学作品选读》每课由导读、作品赏析、生词解析、作家简介、思考与练习五个部分组成。导读部分重点对入选作品的内容要点和创作特点进行了介绍。作品赏析为作品马来语原文，包括短篇小说和诗歌的全文，以及长篇小说和戏剧的节选。生词解析为文中重点或难懂马来语词汇的中文释义。作家简介主要包括作家的生平事迹、创作道路、重要著作及影响等。思考与练习主要考察学生对作品的理解和掌握程度。我们希望通过本教材的学习，能够帮助读者开阔眼界，提高阅读理解和文学鉴赏的能力。

《马来西亚现当代文学作品选读》由龚晓辉、刘勇、文一杰负责编写。作为高等学校马来语专业的文学课教材，本教材适合三年级或四年级学生使用，或供中等程度的马来语进修者和自学者使用。

本教材在编写过程中，得到了解放军外国语学院亚非语系教材建设委员会、解放军外国语学院亚非语言文学二级学科博士学位授权点以及中国出版集团世界图书出版广东有限公司的大力支持，得到了国内其他院校马来语专业老师的帮助，在此谨致以诚挚的谢意。由于编者水平有限，教材中难免会存在疏漏和错误，恳请各位同行和使用者不吝批评指正。

编　者

2018年1月

于解放军外国语学院

需要全本请访问 www.ertongbook.com

KANDUNGAN

PELAJARAN 1	SALINA	oleh A. Samad Said	1
PELAJARAN 2	KALAU KAYU JADI PEREMPUAN	oleh A. Wahab Ali1	5
PELAJARAN 3	IDHAM KHALIL	oleh Kemala	27
PELAJARAN 4	NASINYA TUMPAH	oleh Fatimah Busu	40
PELAJARAN 5	RIMBAKU, AIR MATAKU	oleh Usman Awang	55
PELAJARAN 6	HALLUCINATION	oleh Keris Mas	66
PELAJARAN 7	TONIL PURBAWARA	oleh Shahnon Ahmad	80
PELAJARAN 8	JALUR SINAR DI CELAH DAUN	oleh Zaharah Nawawi	93
PELAJARAN 9	SAHABAT	oleh Anwar Ridhwan	108
PELAJARAN 10	PADA SUATU RUANG	oleh S. Othman Kelantan	121
PELAJARAN 11	MIRA EDORA	oleh Khadijah Hashim	137
PELAJARAN 12	BAGATON	oleh Amil Jaya	154
PELAJARAN 13	MUSIM YUDA	oleh Zaen Kasturi	170
PELAJARAN 14	BERCAK	oleh Azmah Nordin	184
PELAJARAN 15	GARIS PANORAMA	oleh Jais Sahok	196
PELAJARAN 16	PENDOA YANG IKHLAS	oleh Azizi Haji Abdullah	210
PELAJARAN 17	BIROKRAT TULEN	oleh Mohd. Affandi Hassan	225
PELAJARAN 18	SESUDAH SENJA	oleh Othman Puteh	245
PELAJARAN 19	PERJALANAN YANG TAK DIRENCANA	oleh Razak Mamat	258
PELAJARAN 20	MELLISA	oleh Abdullah Hussain	271
PELAJARAN 21	PUISI-PUISI BAHA ZAIN	oleh Baha Zain	288
PELAJARAN 22	JALUR GEMILANG	oleh Jong Chian Lai	302
PELAJARAN 23	NAYAGI	oleh Uthaya Sankar S.B.	323
PELAJARAN 24	MALAM INI PENYU MENANGIS	oleh Noordin Hassan	337
PELAJARAN 25	JURAI PALMA	oleh Siti Zainon Ismail	352

PELAJARAN 26 TRILOGI BUSA, BUSA KALBU ..... oleh Arena Wati 363

PELAJARAN 27 INI CHOW KIT ROAD, SUDILAH MAMPIR!

..... oleh Malim Ghozali PK 376

PELAJARAN 28 SUMPAH KUALA KEDAH.....oleh Zurinah Hassan 388

SENARAI PERKATAAN-PERKATAAN BAHARU 401

PELAJARAN 1

SALINA

oleh A. Samad Said

导 读

沙默德·赛义德（A. Samad Said，1935—），马来西亚著名文学家，1979年获得东南亚文学奖，1986年荣获“国家文学家”称号。小说《莎丽娜》是其享誉全球的长篇小说，该小说于1958年创作于新加坡。主人公西蒂·莎丽娜是个美丽的姑娘，但是第二次世界大战夺走了她所有的亲人，毁灭了她的理想和爱情，也玷污了她的贞洁。她劫后余生，苦无出路，被迫卖笑度日。她幻想着能够找回战争中失去的东西，却遇上了游手好闲、卑鄙恶劣的阿卜杜勒·法卡尔，受尽凌辱，饱受了人世间的艰辛。善良的莎丽娜深处痛苦之中，却同情其他的不幸姐妹，慷慨接济贫困邻里，与卡蒂佳母子及娜希达等人感情日深。最后在卡蒂佳等人的开导帮助下，她决计挣脱苦海。本文为小说的节选部分，主要讲述了莎丽娜在受到阿卜杜勒的欺负之后，向卡蒂佳和希尔米哭诉，房东古鲁巴亚·萨米看到后也过来加以安慰。泣涕涟涟的莎丽娜让朋友们非常心疼。卡蒂佳则开导莎丽娜，让他离开阿卜杜勒。莎丽娜回忆起了自己曾经的恋人穆罕默德·尤瑟夫。穆罕默德是她的邻居，他们青梅竹马、情意相投，但是残酷的战争将他们分开，他去参军最后死在了敌人的炮火之下，而莎丽娜最终流落至此。卡蒂佳的劝说语重心长，她认为阿卜杜勒并不是莎丽娜真正的归属，莎丽娜没有必要每天供着他的吃穿住行，还受着他的欺负。但是莎丽娜的软弱性格让她难以抉择，她脑海里不停地闪现着穆罕默德，这个真正爱她的男人，真正适合她的男人。最后，在卡蒂佳的劝说下，莎丽娜的内心逐渐打定了主意，准备要离开阿卜杜勒。

作品赏析

SEPULUH

Kurupaya Samy sedang menambat kambingnya pada pokok pisang di tempat biasa. Berhampiran kambingnya sudah tersedia seikat daun nangka yang dibawa waktu pulang dari

kerjanya – jam dua petang. Dia memerhatikan Siti Salina yang sedang duduk di amben di sisi Katijah dan Hilmy. Siti Salina sedang tersedu-sedan. Mata, hidung dan mulutnya disapu selang seminit dua.

Di tangan Katijah ada sehelai baju yang diambil upah jahit. Sesekali dia meneliti Siti Salina. Dirasakan masih belum ketika untuknya menyatakan sesuatu kepada orang yang masih sedih. Hilmy juga diam. Dia membalik-balikkan lembaran sebuah buku. Dia juga serasa ingin menyampaikan sesuatu. Tapi, merasa tidak kena pada waktunya.

Kurupaya Samy mengurut-urut perut kambingnya, kemudian mengurut-urut pula tengkuk dua ekor anak kambing itu Sayang benar dia akan kambing-kambing itu. Dahulu tidak begitu; dahulu kambingnya banyak – hampir tiga puluh ekor! Terkadang-kadang dia menyesal menjual sebahagian besar kambing-kambing itu. Tetapi, didapati memelihara kambing tidak lagi mendatangkan rezeki sebanyak menyewakan 'kandang-kandang kambing' itu. Penghuni sedia membayar sewa rumah yang agak tinggi dengan pendahuluan 'wang kopi' sedangkan kambing tidak. Itulah sebanyak kambing-kambing itu dijual.

Ketika Kurupaya Samy meninggalkan kambingnya, ketiga-tiga kambing itu membelek. Yang besar membelek kasar, yang kecil membelek halus panjang menggigil. Walaupun Kurupaya Samy tidak tahu bahasa kambing, tetapi dia percaya kambing itu merayu, "Tak usahlah kandang aku tiga beranak itu kaujadikan rumah manusia juga!" Kurupaya Samy tersenyum, melambai-lambaikan tangannya yang kurus panjang dan hitam itu kepada kambingnya (ini selalu dilakukannya!).

Siti Salina sedang mengesat air mata, ketika Kurupaya Samy menghampirinya. Kurupaya Samy mengeluarkan sapu tangan panjang yang sudah berlapuk, mengesat mukanya yang berpeluh. Dia mengesat pula tengkuknya. Dia mengibas seluar pendeknya yang hijau berlumpur dengan sapu tangan itu.

"Are, apa pasal, Inah? Angkau punya abang ada pukul?" dia bertanya.

Siti Salina masih tersedu. Dia mengesat air matanya yang dirasakan akan keluar lagi. Dipandangnya kambing Kurupaya Samy sungguh-sungguh. Ibu kambing sedang menyusukan anaknya.

Si bulat tiba-tiba datang, menoleh ke kanan kiri, bersedia hendak mengusik kambing. Kerana ada orang, dia lari.

"Are, apa pasal Inah?" Kurupaya Samy mengulangi.

"Pasal siapa lagi. Pasal Abdul Fakarlah!" jawab Siti Salina. Suaranya penuh marah, penuh geram, penuh dendam.

"Ya, saya sudah tau. Mesti itu pasal juga," kata Kurupaya Samy, mengesat muka dan tengkuknya lagi.

Katijah dan Hilmy meneliti Siti Salina. Mereka menyangka tentulah Siti Salina akan melanjutkan. Tapi lama Siti Salina diam.

Seorang budak India kurus berlengeng, dengan rambut berminyak, datang berlari dari luar. Dan hendak meluru sahaja ke tempat kambing, tetapi teragak apabila ternampakkan Kurupaya Samy di rumah Katijah. Dia segera ke situ. Dengan tercungap, dan dengan tangannya yang panjang kurus menghala ke luar, dia memberitahu sesuatu dalam bahasa Tamil. Kurupaya Samy menjawab dengan menggeleng, kemudian mengangguk. Dimasukkan sapu tangannya ke dalam kocek. Memandang Siti Salina, dia berkata, "Angkau jangan kasi angkau punya hati susah. Abdul Fakar gila. Tak ada akal punya orang. Sekarang angkau diam. Saya mau pergi. Luar ada orang gaduh. Banyak celaka. Sana gaduh, sini gaduh. Sekarang saya mau pergi."

Dan sebelum berlalu, dia menambah, "Angkau jangan sudah, ya?"

Siti Salina tidak mengangguk atau menggeleng. Kurupaya Samy pergi bersama-sama budak itu. Kedengaran suara orang bergaduh di luar – suara perempuan dalam nada tinggi.

Siti Salina menaikkan kedua-dua belah kakinya ke atas amben. Dirasanya kaki itu kecut benar. Dia merenungi kakinya. Tetapi, fikirannya jauh menjalar tidak tentu arah. Wajah Abdul Fakar seolah-olah berada di hadapannya, dia kakinya itu.

"Apa yang kau susahkan, Inah?" tanya Katijah sesudah dilihatnya Siti Salina tenang sedikit. Baju yang dijahitnya dibiarkan. Hilmy turut meneliti Siti Salina.

"Susahlah, kak," kata Siti Salina. Matanya ke arah kambing Kurupaya Samy yang sedang menyusukan anak. Sesekali dilihatnya Si Bulat datang mengusik kambing dan cepat lari. Kepalanya mula menimbangkan kalimat Katijah, "Susah macam mana?"

Sejak dia dimarah Abdul Fakar, hatinya mula bertanya-tanya juga tentang erti perhubungannya. Mengapa dia harus membiarkan orang seperti Abdul Fakar memarahinya sesuka hatinya, padahal dia yang menghidupkan orang itu – memberinya makan, menyediakan pakaian dan melayaninya. Semakin ditanya, dia sendiri semakin merasa hairan.

Kalaulah Abdul Fakar seorang perempuan, tentulah mudah dihalau. Senang dikeluarkan kata-kata "Perempuan tak sedar diri, tak sedar dirinya dipungut orang, diberi makan, diberi pakaian dan dilayan baik-baik!" Perempuan tentulah tidak mudah melawan. Tapi, dengan Abdul Fakar kedudukannya lain. Benar Abdul Fakar dipungutnya, benar Abdul Fakar

diberinya makan, benar Abdul Fakar dibelikannya pakaian, benar Abdul Fakar dilayaninya, dan kerana itu dia berhak berkata. "Pergi kau! Tak mengenang budi, pergi!" Tapi, dia tidak berani mengeluarkan kalimat itu.

Syaitankah yang dipeliharanya? Pernah dia bertanya apabila fikirannya terlalu kusut. Dan anehnya, dia sendiri tahu jawapannya. Benar! Tetapi kenapa tidak diusirnya syaitan ini? Di sini fikirannya kusut sekacau-kacaunya. Ada sesuatu yang sama sekali tidak merelakannya mengusir Abdul Fakar.

Apabila sahaja berlaku perkelahan sedemikian dan Siti Salina begitu sedih dan begitu kacau, dia sering mengesani semula perkembangan hidupnya seterang yang dapat diingatnya.

Dia sebenarnya datang dari sebuah keluarga yang kaya-kaya dan ternama dalam masyarakat sebelum Perang Dunia Kedua. Ayahnya seorang saudagar intan berlian di Singapura.

Pada masa kecil mereka – dia dan adik-beradiknya – semuanya 'terkurung', satu tradisi turun-temurun bagi keluarganya. Dunia mereka hanyalah rumah mereka. Ayahnya bengis, tapi penyayang. Untuk itu sahaja mereka tidak begitu merasa terkurung kerana di dalam dunia yang tersekat itu, masih ada kasih sayang.

Siti Salina yang tertua. Adik-adiknya, tiga orang, masing-masing termuda selang setahun di antara satu dengan lain. Walaupun Siti Salina lebih rapat kepada ibu daripada ayahnya, tapi dia lebih menyayangi ayahnya, kerana ibunya bukan ibu yang sebenar. Ibunya sendiri sudah tiada sejak umurnya enam bulan. (Adik-adiknya adalah hasil perkahwinan ayahnya dengan isteri lain.)

Disebabkan dia terkurung, maka yang paling dikenalnya semasa kecil hanya adik-beradiknya. Mereka semua disayangi sepenuh hati, terutama adik lelakinya, Wan Abdul Karim.

Siti Salina masuk sekolah Orang Putih. Ayahnya ingin dia menjadi doktor. Ayahnya menyatakan tentang cita-citanya itu kepada Siti Salina ketika pulang dari sekolah menaiki motokar. Dan dia belajar bersungguh-sungguh, apalagi memang disediakan seorang guru di rumah.

Ketika dalam sekolah dia telah berkenalan (walaupun dalam 'kurungan') dengan seorang anak muda. Pemuda ini di kelas tinggi dan tinggal hanya selang tiga buah rumah dari rumahnya. Setiap kali pulang dari sekolah, ketika dalam motokar melalui hadapan rumah pemuda itu, Siti Salina akan menoleh. Pemuda itu tersenyum kepadanya. Walaupun mulanya senyuman itu tidak mengharukan, tetapi apakala dia bertambah remaja, senyum

需要全本请访问 www.ertongbook.com

pemuda itu memesrai hatinya.

Baginya pengalamán itu satu puncak keindahan, satu pengalaman yang sehingga ke masa ini tidak dapat dilupakan, malah tiada bandingannya.

Perhubungan itu perhubungan tiada disangka. Tetapi, perhubungan yang tiada tersangkakan itu meninggalkan kesan yang sungguh mendalam. Dan semakin mendalam lagi kesannya apakala, pada suatu ketika, sewaktu ayahnya ke Pulau Pinang kerana urusan perniagaan, Siti Salina menemui pemuda itu secara sulit di belakang kebunnya. Mereka berbual lama, walaupun dia sendiri lebih banyak diam.

Diingatnya benar satu pertanyaan pemuda itu (ini pada pertemuan pertama), "Inah tak risau tinggal di rumah saja – terkurung setiap hari?"

Dia menjawab (tidak diketahuinya bagaimana boleh datang jawapan itu), "Mula-mula dulu risau. Tapi sekarang ni tak risau lagi." Dia tunduk malu.

"Ayah Inah tak marah jumpa saya di sini?"

Dan sekali ini dia menjawab (kali ini pun dia tidak tahu bagaimana boleh datang jawapan serupa itu), "Marah, tapi Inah tak peduli."

Pemuda itu merenung terus ke matanya. Mata Siti Salina terkelip-kelip seketika, kemudahan dia cepat tunduk malu.

"Kenapa Inah tak peduli?"

Siti Salina mengangkat mukanya sedikit, dengan tersenyum dan mata bersinar-sinar, menjawab, "Entah?"

"Tak tau?" tanya pemuda itu, "Ala hai."

Siti Salina tersipu-sipu.

Pada satu ketika tukang kebunnya terserempak mereka di belakang kebun. Tukang kebun ketakutan. Siti Salina disuruh pulang segera.

"Inah baik pulang, nanti bapanya marah. Pulanglah!"

Siti Salina tidak sedikit pun khuatir. "Wak jangan takut, Inah dah besar. Inah bukan budak-budak lagi," katanya.

Benarlah ketika itu dia sudah dewasa, dewasa dalam erti kata sebelum perang. Ketika itu anak perempuan berumur 13 tahun sudah mempunyai suami dan yang berumur 15 terkadang-kadang sudah mempunyai seorang dua anak.

Tukang kebunnya masih.

"Wak tak usah khuatir," Siti Salina mengulangi, "Kita tak akan susahkan siapa-siapa."

Tukang kebun pergi, tapi bersembunyi, berjaga-jaga supaya tidak berlaku "terconteng

arang ke muka".

Ayahnya tahu juga akhirnya, dan Siti Salina dipukul seteruk-teruknya. Walaupun dia tidak berpeluang keluar lagi, seperti selalunya, perhubungannya tidak putus. Selalu dihantarnya surat kepada pemuda itu menceritakan tentang perkembangan dirinya. Tukang kebun atau adik lelakinya tolong menghantarkan surat. Dan dia mengetahui perkembangan diri pemuda itu melalui balasan surat-suratnya.

Tidak diduganya sama sekali bahawa dia tidak akan menjadi seorang doktor seperti yang diharapkan ayahnya. Dan tidak juga diduganya bahawa perhubungannya dengan pemuda itu – Muhammad Yusup namanya – hanya untuk sementara.

Hatinya amat luka apabila segala yang diharapnya musnah sama sekali. Segala yang disayanginya dirampas oleh perang dunia yang kedua – rumahnya, ibu dan ayahnya, adik-beradiknya, beberapa orang keluarganya. Juga kekasihnya!

Kehilangan sedemikian menghantui jiwanya sehingga ke masa ini. Lama dia kurang tenang mengenangkan segala yang berlaku.

Diingatnya benar wajah kekasihnya ketika mereka terpaksa berpisah dulu. Waktu itu peperangan sudah menggila; kapal terbang Jepun sudah setiap hari mengebom Singapura; dia dan keluarganya sudah keluar masuk *shelter* yang dibuat secara tergesa di belakang rumahnya. Di dalam *shelter* semua ahli keluarga selalu terketar membaca surah yasin atau sebarang ayat al-Qur'an yang sempat diingat.

Pada suatu petang, Muhammad Yusup datang ke *shelter* itu. Kebetulan pula ayah dan ibu Siti Salina sibuk di rumah. (Kata ayahnya, kalau ajalku sudah tiba di mana pun aku akan mati. Isterinya juga turut tidak mahu ke *shelter*.)

Muhammad Yusup datang topi besinya. Dia dalam Malayan Auxiliary Service dan sedang bertugas. Dia memberitahu Siti Salina bahawa untuk sementara dia akan dihantar berlatih ke suatu pusat latihan. Dia sekadar ingin memberitahu Siti Salina tentang hal itu. Katanya, "Kita akan berjumpa lagi."

Tapi, mereka tidak berjumpa. Khabar yang diterima sepuluh hari selepas itu mengatakan Muhammad Yusup telah mati kerana pusat latihannya dibom. Khabar itu sendiri merupakan bom jatuh di dalam dada Siti Salina.

Perbuatan Abdul Fakar yang tidak bertimbang rasa itu memilukan hatinya. Dan dia menangis lagi. Segala perkembangan hidupnya yang tergambar sekelip itu lebih menusuk 刺, 扎 hati.

Katijah memandangnya lama. Dia membiarkan saja Siti Salina; dia tahu Siti Salina

sedang mengenangkan sesuatu.

"Cubalah Inah katakan, susah macam mana?" tanya Katijah, mengejutkan Siti Salina.

Siti Salina segera sedar dia sedang di hadapan Katijah dan Hilmy. Dia bukan lagi dalam shelter berbicara tentang hal hatinya dengan Muhammad Yusup.

Di hatinya semakin tumbuh bibit benci terhadap Abdul Fakar. Gambaran Abdul Fakar segera tercalar dan gambaran Muhammad Yusup dibayangkan setenang-tenang fikirannya. Kalaulah tidak perang, fikirnya... Dia menangis lagi.

"Sudahlah Inah, jangan kauikutkan sangat hatimu. Kau akan susah sendiri nanti. Kalau kau sakit, siapa yang susah? Kau juga, kan? Abdul Fakar tak boleh kauharapkan. Tengok saja sekarang ni bagaimana dibuatnya kau," Katijah menasihatkan.

Dalam sedu-sedannya itu kata-kata Katijah didengar sepenuhnya. Dia tahu kata-kata Katijah memang benar.

'Memang Abdul Fakar tak boleh diharapkan,' hatinya berkata.

Matanya, penuh memandang Katijah seketika, kemudian, Hilmy. Dia masih menangis, mengesat matanya. Katijah memandang sahaja, Hilmy diam.

"Betul kata kakak," kata Siti Salina dalam sedu-sedannya, "Abdul Fakar tak boleh saya harapkan. Sia-sia saja saya menjaga dia baik-baik. Sia-sia saja saya buat baik kepada dia. Sikit pun tak dikenangkan."

Katijah menenungnya lama. Mereka diam. Kedengaran kambing mengembek, diekori suara Si Bulat mengusiknya. Di luar – di jalan luar – kedengaran suara orang India bergaduh semakin meninggi; suara perempuan paling tinggi.

"Inah seorang diri, Inah cari makan sendiri. Begitu kan lebih senang?" kata Katijah. "Kenapa mesti Inah tanggung orang yang tak tau pun kita berbudi kepadanya? Tak guna dikasihi orang yang tak tau kita kasihkan dia, dan tak pula tau membalas kasih sayang kita."

Kedengaran sedu Siti Salina. Hilmy meneliti atap rumah. Suara orang bergaduh semakin kuat. Siti Salina masih tunduk. Katijah mencucuk benang ke dalam lubang jarum, dan berkata, "Laki-laki banyak laki-laki, Inah. Ada yang boleh dipercaya, ada yang tidak. Ada lagi-lagi benar-benar endakkan kita, dia datang meminang kita, kahwin dengan kita, beri kita makan, jaga sakit pening kita, jaga rumah tangga kita, dan kasih pada kita sampai ke mati. Laki-laki begini susah nak dapat. Kalau kita dapat beruntunglah.

"Ada laki-laki pula dia endakkan kita bukan endak betul-betul. Dia endak rosakkan kita saja. Dia endak hisap madu, dah madunya tak ada, kita pun dibuangnyalah; kita tak dipedulikannya. Laki-laki serupa ini banyak dalam dunia. Inah harus pilih mana satu yang

Inah endak, atau yang Inah kasihkan. Cari laki-laki yang betul-betul endakkan Inah, kahwin, kemudian jaga kain bajunya, jaga kesihatannya, dan kasihi dia sepenuh hati Inah. Dia tak akan kecewakan Inah; dia tak akan sia-siakan Inah, selagi Inah jaga dia baik-baik, selagi Inah kasihkan dia baik-baik."

Katijah terhenti. Dadanya terasa sebu selepas menyatakan segala itu.

"Sudah lama juga kakak endak bercakap tentang hal ini. Kakak khuatir kaumarah atau kecil hati. Tapi... tapi kakak tak sanggup membiarkan kau merana dan terseksa begini," katanya. "Kakak fikir kakak pun berdosa juga membiarkan kau hidup begini. Salina, kakak bercakap dengan ikhlas, dari hati kecil kakak benar-benar dan kau tahu bagi kakak kau sudah seperti adik kakak sendiri. Timbangkanlah cakap kakak ini. Ubahlah cara hidup kau. Berikhtiarlah supaya jangan terus-menerus saja kau menjalani kehidupan seperti ini."

Terasa ringan dadanya selepas melafazkan itu, tetapi air mata sudah terkumpul di kelopak matanya.

Siti Salina diam sahaja. Dia seperti cuba memahamkan setiap kalimat Katijah.

"Inah tak akan selalu muda. Inah akan tua. Bila Inah tua nanti, hah, ketika itulah nanti laki-laki tak maukan Inah lagi, selain dari suami Inah sendiri. Ketika itu nanti orang tak akan pedulikan Inah. Kalau Inah bangsat, bangsatlah. Kalau Inah melarat, melaratlah. Kalau Inah sakit teruk, sakit teruklah. Orang tak akan ambil peduli. Kalau dah gitu nanti pada sapa Inah mesti minta tolong? Inah endak minta tolong pada Fakar? Ai, janganlah diharapkan. Sekarang ni saja Inah dah tak dipedulikannya. Sekarang, di waktu Inah beri dia makan minum, juga dia, belikan dia pakaian ini pun dibuatnya Inah macam anjing. Apalagi bila Inah dah tua nanti."

Siti Salina diam juga. Kepalanya masih tertunduk. Dia tahu Katijah melihat sendiri betapa teruk dirinya disia-siakan Abdul Fakar. Dia tahu Katijah ingin menyelamatkannya.

"Sebab itulah kakak suruh kausimpan duit dari sekarang ni. Jangan kira berapa banyak yang ada; sikit-sikit pun tak apa, simpanlah. Wang simpanan ini berguna pada suatu hari nanti, di ketika Abdul Fakar menghalau Inah nanti. Duit ni ada gunanya bila Inah sakit pening nanti; duit ni ada gunanya bila Inah perlukan benar-benar nanti. Kita harus ingat-ingat dulu: rezeki tak selalu saja datang; sedang air ada pasang surutnya..."

"Kakak tau," Katijah menyambung, "Kakak tak patut masuk campur pasal kau dengan Abdul Fakar ni. Kakak tau kausayang benar akan Abdul Fakar. Tapi kakak kasihan benar melihat kau. Kakak kasihan melihat kau menyayangi orang yang tidak sayangkan kau. Sebab itu kakak masuk campur juga. Biarlah kalau Inah endak marah kakak, marahlah. Tapi

biarlah kakak cakap terang-terang, Fakar tu bukan endakkan Inah, dia hanya endakkan wang Inah saja, endak hisap madu saja."

Di dalam hatinya sahaja Siti Salina menjawab, 'Inah sedar, Inah sedar.'

"Kalaulah Inah sedar," sambung Katijah seolah-olah mendengar jawapan itu, "Kenapa Inah diamkan saja? Inah suka dia seksakan Inah hari-hari? Inah mesti insaf semua ini. Betul Inah sayangkan dia, tapi tak guna sayangkan orang yang tidak pedulikan Inah. Tak ada hasilnya. Kakak sendiri tak suka Inah menyeksa diri Inah sendiri, ataupun sengaja Inah biarkan diri Inah diseksa orang." Katijah terhenti seketika, meneliti muka Siti Salina.

"Kita hidup ini endak cari kesenangan, Inah," jelas Katijah. "Sapa saja yang hidup semuanya endak cari kesenangan. Walaupun Inah tak berapa senang, tapi cukuplah juga. Apa yang menghalang cuma Abdul Fakar saja. Dia sajalah yang menyusahkan Inah. Apakah Inah endak biarkan saja dia menyusahkan Inah? Ingat Inah, dan fikirlah baik-baik. Laki-laki bukanlah dia seorang dalam dunia ni. Banyak. Carilah laki-laki yang betul-betul sayangkan Inah. Carilah orang yang betul-betul ambil berat tentang diri Inah. Carilah orang yang benar-benar endak juga Inah sampai tua. Ya, carilah orang yang macam tu... Carilah Inah. Fikirkanlah masa depan Inah. Ubahlah cara hidup Inah. Jangan dibiarkan diri Inah begini saja."

Katijah berhenti dan merasa puas kerana sempat mencurahkan segala yang selama ini tersimpul di hatinya. Ada air mata yang membalamkan pandangannya. Dia tahu dia menangis.

Siti Salina terlalu hiba. Serasa tidak tertahan. Kepalanya penuh semula dengan gambaran-gambaran lama, kenangan-kenangan lama dan kemesraan-kemesraan lama. Muhammad Yusup bermain-main semula dalam kenangannya. Begitu kacak orangnya, begitu lemah lembut, begitu baik hati, dan begitu boleh diharapkan. Siti Salina merasa hatinya menjerit-jerit, 'Ya, dialah orangnya; Muhammad Yusuplah orang yang kucari, yang kuharapkan dan yang kukasihi.'

"Inah benar-benar tak akan lupakan saya, Inah?" Diingatnya begitulah antara isi sepucuk surat Muhammad Yusup yang dihantar secara sembunyi. Dan diingatnya sewaktu dia membaca kalimat itu, dia menggeleng sungguh-sungguh, "Tidak, saya tak akan lupakan Yusup."

Dan dibacanya surat Muhammad Yusup itu perlahan-lahan, hati-hati. Surat itu menyambung, "Inah tau kan? Bom pertama yang jatuh di Singapura pada 8 hari bulan Disember itu membimbangkan saya benar-benar. Saya rasa seolah-olah bom itu jatuh di dalam hati saya sendiri; saya rasa seolah-olah bom itu hendak memusnahkan Inah. Hati saya tidak sedap saja selepas itu." Air mata yang tidak dipaksa-paksa keluar. Diketahuinya

Muhammad Yusup benar-benar menyatakan kebimbangannya. Dan walaupun benar bom pertama jatuh pada 8 hari bulan Disember, dan walaupun dia benar-benar terasa takut akan bom itu, tetapi hatinya tetap senang ketika menerima surat Muhammad Yusup ataupun ketika berjumpa dengannya.

Surat Muhammad Yusup terus dibacanya, "Saya bukan hendak membimbang-bimbangkan Inah. Saya juga bukan hendak menakut-nakutkan Inah. Tapi, benarlah peperangan, selalu dan di mana-mana, membawa akibat yang tidak baik saja. Ia merampas segala."

Siti Salina berhenti lama pada kalimat ini. Dia seolah-olah memikirkan masak-masak tentang kalimat itu. Dan perlahan-lahan dibacanya kalimat berikut, "Ia boleh merampas kasih sayang kita juga."

Siti Salina berhenti lagi, menangis sekuat-kuat hatinya (malah pada masa sekarang ini – pada masa dia mengingatkan peristiwa lama itu – dia menangis sekuat-kuat yang direlakan oleh hatinya).

"Saya belum melihat perang sebelumnya," kata surat itu seterusnya, "Tapi pernah membaca tentangnya dalam buku-buku. Bagaimana kejam! Dan daripada apa yang saya saksikan pula sekarang ini maka terbuktilah bahawa perang sebenar-benarnya merampas-merampas segala-galanya. Inah jangan lupakan saya, ya?" Tiba-tiba kalimat sedemikian ditulis oleh Muhammad Yusup pada ceraian yang lain.

Siti Salina menggeleng-geleng lagi. Sungguh-sungguh. Dan dalam sedu-sedannya, dia berkata, "Tidak Sup, tidak. Saya tak akan melupakan Usup. Percayalah!" Dan dengan tergigil-gigil dia membaca kalimat selanjutnya, "Sengaja saya menulis tentang perang, Inah. Dan sengaja saya tulis tentang perang merampas segala, sebab apa yang hendak saya katakan ialah tentang perampasan itu jugalah. Bacalah baik-baik Inah, dan tenangkanlah benar-benar fikiran dan hati Inah bila membaca surat saya ini."

Siti Salina cuba menenangkan fikiran dan hatinya, walaupun untuk berbuat demikian pada ketika itu, paling mustahil. Dan apabila dirasanya dirinya sudah tenang, dengan penuh khuatir, (aneh!) dia lanjut membaca, "Inah tahu saya sudah jadi *volunteer*, kan? Saya sudah cakap kepada Inah dahulu. Sekarang saya akan dihantar ke tempat lain, Inah."

Siti Salina terpaksa berhenti pada kalimat itu. Dirasanya ada sesuatu yang mencucuk-cucuk hatinya; dirasanya "tangan perang" yang ganas itu sudah bersedia mencekup kekasihnya; dirasanya perang benar-benar menjadi perampas, perompak, penyamun, penyeksa, pengkhianat, penipu, penghancur dan pembunuh! Dia menangis tersedu-sedu.

需要全本请访问 www.ertongbook.com